

26 SEP 1998

Ling-KLIA

DR LING KESAL DENGAN DAKWAAN ANWAR MENGENAI KLIA

MUAR, 26 Sept (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau kesal dengan sikap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang membuat dakwaan tidak berasas berhubung pemilihan tapak Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Katanya, pembinaan KLIA di Sepang mendapat persetujuan kabinet yang turut dianggotai Anwar yang ketika itu merupakan Menteri Kewangan.

"Pembinaan KLIA merupakan keputusan sebulat suara oleh kabinet, seingat saya, kita juga telah berbincang beberapa kali mengenai lokasinya sama ada ditempatkan di Sepang, Selangor atau di Behrang dekat Tanjung Malim, Perak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus latihan MCA Johor di Ledang Resort, Tangkak dekat sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai dakwaan dan bantahan Anwar berhubung projek KLIA yang disiarkan dalam CNBC, sebuah media asing, baru-baru ini.

Menurut Dr Ling kerajaan negeri Perak juga mahu supaya KLIA dibina di negeri itu kerana dengan pembinaan lapangan terbang itu ia dapat membantu memajukan lagi kemajuan ekonomi di negeri itu.

Katanya lagi, Anwar juga telah mempengerusikan sebuah jawatankuasa kabinet bagi mengendalikan hal berkaitan pembinaan KLIA termasuk melantik kontraktornya.

"Tetapi beliau (Anwar) kini membantah dan tidak setuju dengan projek KLIA di Sepang...Saya tak faham kerana fakta yang ada menunjukkan dia terlibat dalam semua keputusan yang dibuat itu," katanya.

Dr Ling berkata, KLIA sebelum dibangunkan merupakan tapak ladang getah dan kelapa sawit seluas 10,000 hektar.

Menurutnya, tanah itu sesuai untuk diambilalih oleh kerajaan kerana ia tidak akan menyusahkan rakyat.

Mengenai persediaan pilihan raya MCA, Dr Ling, yang juga Presiden MCA, berkata semua wakil rakyat MCA yang dipilih pada 1995 telah menjalankan tanggungjawab dan tugas masing-masing.

"Dalam senario politik tanahair kini, MCA masih yakin bahawa rakyat akan tetap memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

-- BERNAMA

RAM AKD